

**KIT PANDUAN MASYARAKAT SIVIL  
BERHUBUNG  
PELUANG KEADILAN  
UNTUK JENAYAH ANTARABANGSA**

<b>PENGENALAN.....</b>	<b>2</b>
<b>MISI PENCARIAN FAKTA DAN MEKANISME PENYIASATAN ANTARABANGSA.....</b>	<b>3</b>
<b>MAHKAMAH JENAYAH ANTARABANGSA (ICC) .....</b>	<b>5</b>
<b>MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA (ICJ).....</b>	<b>7</b>
<b>BIDANG KUASA UNIVERSAL .....</b>	<b>9</b>

## PENGENALAN

Masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain memainkan peranan yang penting dalam usaha menuntut keadilan dan kebertanggungjawaban bagi pelanggaran undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang serius.

Antara contoh sokongan penting masyarakat sivil domestik dan antarabangsa boleh: (1) memberikan bantuan teknikal kepada mangsa untuk mengakses mahkamah; (2) membantu kakitangan mahkamah dan anggota penyiasatan untuk memahami konteks pelanggaran yang didakwa berlaku; (3) memperjuangkan cara yang lebih adil dan cekap untuk mendapatkan keadilan; atau (4) memantau kes mahkamah yang sedang berjalan.

Kit Panduan ini meringkaskan peranan **Misi Pencarian Fakta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** dan **Mekanisme Penyiasatan Antarabangsa, Mahkamah Jenayah Antarabangsa**, serta **Mahkamah Keadilan Antarabangsa**, dan begitu juga potensi untuk membawa kes ke bawah **bidang kuasa universal**.

Kami berharap agar Kit Panduan ini akan membantu sesiapa sahaja yang berminat terhadap keadilan dan kebertanggungjawaban antarabangsa. Kit Panduan ini menggunakan terma 'masyarakat sivil' bagi merangkumi semua pihak yang berminat termasuklah peguam, aktivis, organisasi mangsa yang terselamat dan lain-lain.

**Ambil Perhatian: Kit Panduan ini tidak mengandungi nasihat guaman.**

Kandungannya telah dihasilkan oleh sekretariat Gabungan Keadilan Asia. Kit panduan peralatan ini tidak semestinya mewakili pandangan atau pendirian semua ahli.

Kali terakhir dikemas kini Mac 2024.

# MISI PENCARIAN FAKTA DAN MEKANISME PENYIASATAN ANTARABANGSA

## (MISI DAN MEKANISME)

Misi pencarian fakta/suruhanjaya mekanisme siasatan dan penyiasatan (misi dan mekanisme) bukanlah mahkamah; matlamat mereka adalah untuk mendokumenkan atau mengumpul maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dengan segera selepas pelanggaran itu berlaku. Maklumat ini boleh digunakan untuk: menemukan jenis atau prevalens pelanggaran; mencadangkan cara untuk menyelesaikan penemuan ini; menarik perhatian antarabangsa tentang pelanggaran tersebut; dan, dalam kes mekanisme penyiasatan, menyediakan maklumat kepada mahkamah untuk digunakan dalam proses pendakwaan.

### Memahami Misi & Mekanisme

#### *Misi Pencarian Fakta Atau Suruhanjaya Siasatan*

Misi pencarian fakta antarabangsa dan suruhanjaya siasatan adalah badan bukan kehakiman sementara dengan mandat untuk menyiasat, membuat penemuan serta mencadangkan sesuatu berkaitan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Badan-badan ini mungkin ditubuhkan oleh badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, atau Majlis Hak Asasi Manusia. Mandat badan ini berbeza-beza mengikut skop masa dan geografi, dan begitu juga berdasarkan inti bicara dan pelaku di tengah-tengah penyiasatan, seperti yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.

Mereka mungkin berfungsi sebagai pelopor perbicaraan di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa, atau mungkin menyediakan persediaan asas untuk proses penyampaian kebenaran yang lebih meluas.

Kebiasaannya, mereka diketuai oleh jawatankuasa pakar antarabangsa, atau 'ahli', yang mempunyai banyak pengalaman dalam undang-undang antarabangsa. Ahli-ahlinya mestilah bebas dan tidak berat sebelah, serta memiliki integriti moral yang tinggi. Namun, mandat misi atau suruhanjaya tidak mensyaratkan ahli-ahlinya untuk mempunyai pengalaman dalam konteks yang berkaitan, dan mereka juga tidak semestinya mempunyai kemahiran bahasa tempatan yang berkaitan.

Antara contoh 'misi pencarian fakta' yang terbaru termasuklah: [Myanmar](#), [Venezuela](#), dan [Libya](#). 'Suruhanjaya siasatan' yang terbaru termasuklah: [Syria](#), [DPRK](#), [Burundi](#), dan [South Sudan](#).

#### *Mekanisme Penyiasatan*

Seperti misi pencarian fakta dan suruhanjaya siasatan, mekanisme penyiasatan antarabangsa ialah badan bukan kehakiman sementara yang ditugaskan untuk mengumpul dan memelihara maklumat berkaitan pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan yang serius. Mekanisme penyiasatan juga diberikan mandat oleh badan PBB, seperti Majlis Keselamatan, Perhimpunan Agung, dan Majlis Hak Asasi Manusia. Badan ini dikendalikan oleh pakar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kelayakan yang hampir sama seperti misi pencarian fakta/suruhanjaya siasatan.

Namun, mekanisme penyiasatan dibentuk untuk membantu pendakwaan jenayah di masa hadapan. Mekanisme penyiasatan diberikan mandat untuk menganalisis maklumat yang dikumpul bagi menyusun 'fail kes' yang boleh diberikan kepada mahkamah nasional, serantau atau antarabangsa untuk pendakwaan.

Antara contoh mekanisme penyiasatan adalah untuk [Syria](#) (dibentuk pada 2016), [Iraq](#) (2017), dan [Myanmar](#) (2018).

## Apakah yang perlu Dipertimbangkan Masyarakat Sivil Sebelum Melibatkan Diri?

Penglibatan masyarakat sivil dalam misi atau mekanisme adalah [sangat bernilai](#). Namun, semua pelaku masyarakat sivil mestilah memahami dengan jelas tentang penglibatan mereka. Hal ini kerana masyarakat sivil mungkin tidak dapat mengawal cara maklumat itu digunakan apabila maklumat tersebut dikongsi. Selain itu, secara umumnya, misi dan mekanisme tidak akan menyediakan dana atau keselamatan untuk masyarakat sivil melibatkan diri dalam pengumpulan maklumat.

Masyarakat sivil boleh menyoal misi atau mekanisme perkara berikut:

- Apakah maklumat yang anda kumpul? Adakah terdapat protokol yang boleh anda kongsi berkaitan pengumpulan maklumat?
- Bagaimana anda akan menggunakan maklumat yang kami berikan? Adakah anda akan memberikan maklum balas berkaitan maklumat yang kami berikan?
- Berapa lamakah anda akan menyimpan maklumat yang kami berikan?
- Adakah anda akan memaklumkan kami apabila anda menggunakan atau bertindak ke atas maklumat yang kami berikan?
- Adakah anda akan memaklumkan tentang kemajuan anda? Jika ya, berapa kerap?
- Adakah anda akan melaporkan secara terbuka? Jika ya, bila?
- (jika memberikan kenyataan mangsa/saksi) Adakah anda akan menghubungi kami jika anda berniat untuk menghubungi mangsa atau saksi yang kami telah ambil keterangan?
- Apakah perlindungan yang disediakan untuk melindungi data dan/atau identiti mereka yang maklumatnya kami berikan kepada anda? Kakitangan/sukarelawan kami?
- Bagaimana kami boleh memberikan maklum balas/cadangan kepada anda?

Masyarakat sivil yang mengumpul maklumat untuk tujuan memberikan maklumat sedemikian kepada misi atau mekanisme sepatutnya 'tidak membahayakan' mereka. Hal ini bagi mengurangkan risiko kepada: (1) mereka yang menyediakan maklumat; (2) maklumat itu sendiri; dan (3) mereka yang mengumpul maklumat.

Ini [merangkumi](#):

- Merahsiakan identiti sumber anda, menyimpan maklumat tersebut dengan selamat, dan, sedapat mungkin, berupaya untuk menjejaki maklumat kembali kepada sumbernya.
- Mengelak daripada memberi tunjuk ajar kepada mangsa atau saksi untuk mendapatkan maklumat tertentu.
- Mengakui bahawa mana-mana penyiasat mahkamah perlu melakukan semula temu bual dengan mangsa atau saksi, dan mencari cara untuk mengurangkan risiko berulangnya trauma atau penghasilan kenyataan yang bercanggah.
- Menerima persetujuan termaklum daripada mereka yang memberikan maklumat, dan memaklumkan mereka bahawa maklumat itu mungkin diberikan kepada pelaku lain yang mungkin akan memberikannya kepada mahkamah. Tidak mustahil maklumat tersebut akan didedahkan kepada pihak pembelaan dalam perbicaraan.
- Mengambil kira keselamatan fizikal dan kesejahteraan psikologi kakitangan atau sukarelawan anda ketika mengumpul maklumat.

Menguruskan jangkauan mereka yang memberikan maklumat juga sangat penting. Seperti yang dinyatakan di atas, kedua-dua misi dan mekanisme bukanlah mahkamah, maka mereka tidak akan membuat keputusan dalam perbicaraan jenayah.

## MAHKAMAH JENAYAH ANTARABANGSA (ICC)

Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) merupakan satu-satunya mahkamah antarabangsa tetap yang ditubuhkan untuk menyiasat, mendakwa dan mengadili individu yang dituduh melakukan jenayah antarabangsa yang paling serius. [Statut Rom bagi Mahkamah Jenayah Antarabangsa \(Statut Rom\)](#) bukan sahaja menubuhkan ICC, bahkan menetapkan bidang kuasa ICC. Prinsip saling melengkapi bermaksud mahkamah nasional mengekalkan bidang kuasa utama untuk menyiasat dan mendakwa jenayah antarabangsa, tetapi ICC boleh mendengar kes yang 'benar-benar tidak mahu atau tidak dapat' dilakukan oleh negara anggota Statut Rom. ICC mempunyai pejabat khas yang khusus untuk menyediakan sokongan kepada mangsa dan membantu mangsa untuk mengambil bahagian dalam kes.

### [Memahami ICC](#)

ICC [terdiri](#) daripada empat badan: Presiden, Dewan Perundangan, Pejabat Pendakwa (OTP), dan Pejabat Pendaftaran. Selain badan-badan ini, terdapat juga Perhimpunan Negara Anggota (atau semua negara yang telah bersetuju dengan Statut Rom) dan [Dana Amanah untuk Mangsa](#).

ICC boleh mendengar kes berkaitan jenayah yang didakwa berlaku selepas 1 Julai 2002. Menurut Statut Rom, jenayah-jenayah ini merangkumi:

- '[Genosid](#)', atau perbuatan tertentu dengan niat untuk memusnahkan, secara keseluruhan atau sebahagian, kumpulan nasional, etnik, bangsa atau agama;
- '[Jenayah terhadap kemanusiaan](#)', atau tindakan tertentu sebagai sebahagian daripada serangan secara meluas atau sistematik yang disasarkan terhadap mana-mana penduduk awam;
- '[Jenayah perang](#)', atau tindakan tertentu yang merupakan pelanggaran serius [Konvensyen Geneva](#) dan pelanggaran undang-undang perang yang lain; serta
- 'Pencerobohan', atau perbuatan termasuklah pencerobohan, pendudukan tentera dan pengilhakan dengan menggunakan kekerasan, sekatan pelabuhan atau pantai.

Perlakuan jenayah mesti berlaku sekurang-kurangnya di sebahagian daripada bidang kuasa wilayah sesebuah Negara Anggota.

### Apakah yang perlu Dipertimbangkan Masyarakat Sivil Sebelum Melibatkan Diri dengan ICC?

Terdapat [beberapa peluang](#) untuk masyarakat sivil untuk melibatkan diri dengan ICC.

- Masyarakat sivil boleh menyediakan maklumat kepada OTP [pada bila-bila masa](#). Tiada format komunikasi yang spesifik. Walaupun secara teori, OTP akan memaklumkan penghantar apabila maklumat tersebut diterima, secara praktikalnya OTP mungkin tidak berupaya untuk memberikan maklum balas. Tiada jaminan bahawa OTP akan mempertimbangkan maklumat ini.
- Dalam kes yang Pendakwa mengisytiharkan niatnya untuk memulakan siasatan, mangsa boleh membuat perwakilan di depan Mahkamah melalui Perwakilan Undang-undang Mangsa (Statut Rom Perkara 15 (3)). Untuk membuat perwakilan, seseorang itu mestilah menepati kriteria tertentu yang ditakrifkan dalam Peraturan 85 [Peraturan Prosedur dan Bukti ICC](#).

- ICC juga boleh meminta bantuan daripada masyarakat sivil (Statut Rom Perkara 44). Namun, tiada dana akan disediakan oleh ICC atau OTP untuk bantuan ini.
- Akhir sekali, jika siasatan tersebut membawa kepada prosiding jenayah, masyarakat sivil boleh memohon kebenaran kepada Mahkamah untuk memberikan penghujahan undang-undang rasmi berkaitan isu tertentu yang dipanggil taklimat *amicus curiae*, atau 'teman pengadilan'.

Sebelum melibatkan diri, [masyarakat sivil boleh mempertimbangkan](#) untuk:

- Apakah matlamat kami untuk melibatkan diri dengan ICC? Adakah untuk membantu mangsa menghubungi Mahkamah? Adakah untuk menyediakan maklumat kepada OTP? Adakah untuk memberikan pendapat undang-undang sebagai *amicus curiae*?
- Badan atau pejabat dalam Mahkamah manakah yang akan membantu kami mencapai matlamat itu?

## MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA (ICJ)

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (**ICJ**) menyelesaikan pertikaian antara negara-negara dan memberikan pendapat dan keputusan berkaitan pelaksanaan kewajipan antarabangsa, terutamanya berkaitan perjanjian.

Peranan ICJ menjadi semakin penting dalam keadilan dan kebertanggungjawaban antarabangsa kerana boleh mendengar kes-kes yang melibatkan negara yang melanggar kewajipan mereka di bawah *Konvensyen menentang Penyeksaan* dan *Konvensyen Genosid*. ICJ juga semakin [sering mengarahkan](#) langkah-langkah sementara—perintah sementara, bertujuan untuk melindungi hak negara anggota—yang boleh dimohon oleh Negara Anggota berkaitan sesuatu perkara atau atas usulnya sendiri. Selain itu, mahkamah ini telah [menubuhkan jawatankuasa hakim ad hoc](#) untuk memantau pematuhan terhadap langkah-langkah sementara.

### Memahami ICJ

ICJ ialah badan kehakiman PBB ([Bab XIV Piagam PBB](#)). Semua ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah Anggota kepada *Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa* (**(Statut ICJ)**). ICJ mempunyai bidang kuasa [di bawah Statutnya](#) untuk mendengar pertikaian yang dirujuk kepadanya oleh negara-negara berkaitan kewajipan antarabangsa, contohnya kewajipan yang diterima oleh sesebuah negara apabila ia menjadi anggota dalam satu perjanjian.

Terdapat dua jenis kes yang dirujuk di hadapan ICJ:

**Prosiding nasihat** ialah peluang untuk agensi PBB yang lain merujuk kepada ICJ berkaitan isu undang-undang. Pendapat nasihat tidak mengikat, tetapi menunjukkan cara Mahkamah mentafsir kewajipan undang-undang antarabangsa tertentu.

**Kes pertikaian** adalah antara negara; hanya negara yang merupakan pihak dalam kes di hadapan Mahkamah (Statut ICJ [Artikel 34 \(1\)](#)). Kes-kes ini boleh merangkumi pertikaian sempadan wilayah dan maritim serta penafsiran perjanjian. Walaupun keputusan masa hadapan tidak perlu mengikat perkara yang diputuskan dalam kes pertikaian, keputusan tersebut mengikat pihak-pihak kes ini.

Seperti badan kehakiman kompleks lain, prosiding di hadapan ICJ mengambil masa yang panjang. Kes-kes akan melalui beberapa peringkat.

### Apakah yang perlu Dipertimbangkan Masyarakat Sivil Sebelum Melibatkan Diri dengan ICC?

Mandat ICJ tidak memerlukan untuk melibatkan diri dengan masyarakat sivil. Selain itu, [Statut](#), [Peraturan](#), dan [Arahan Amalan](#) hanya menyediakan peluang penglibatan masyarakat sivil yang terhad.

Jenis prosiding menentukan cara masyarakat sivil boleh menglibatkan diri dengan ICJ.

Dalam **prosiding nasihat**, ICJ hanya [memberi peluang sekali sahaja kepada masyarakat sivil untuk terlibat secara langsung](#) dalam prosiding. Walau bagaimanapun, di bawah [Arahan Amalan XII](#) Mahkamah, dokumen yang diberikan melalui [Pendaftar Mahkamah](#) oleh masyarakat sivil akan disediakan untuk kegunaan negara-negara dan badan-badan PBB. Namun, dokumen-dokumen ini tidak akan menjadi sebahagian fail kes.

Dalam **kes pertikaian**, Statut ICJ [Perkara 50](#) membenarkan Mahkamah, mengikut budi bicaranya, untuk meminta maklumat khusus daripada organisasi masyarakat sivil yang berkaitan. Namun, jika bantuan

khusus itu diminta, penting untuk kita tahu bahawa Mahkamah tidak menyediakan dana untuk bantuan tersebut.

Walaupun peluang untuk melibatkan diri secara langsung tidak banyak, pelaporan daripada masyarakat sivil masih penting. Ini kerana hakim ICJ mempunyai budi bicara untuk mengambil kira maklumat selain yang telah disediakan secara rasmi oleh Pihak-Pihak (lihat [Nicaragua \[30\]](#)). Dalam [keadaan yang terhad \(pada 155\)](#), ini termasuk laporan sokongan secara awam yang tidak diserahkan secara khusus kepada Pendaftar. Organisasi masyarakat sivil juga boleh cuba melibatkan diri dengan negara secara langsung. Sokongan terhadap negara boleh menggalakkan permulaan sesebuah kes. Dalam kes yang sedang berjalan, maklumat yang diberikan kepada pihak terlibat boleh membantu proses rayuan.



## BIDANG KUASA SEJAGAT

[Dengan kerap](#), bidang kuasa negara yang menjalankan bidang kuasa sejagat ke atas jenayah antarabangsa boleh membantu mencegah kedaulatan dengan mendakwa dalam keadaan apabila negara berkenaan tidak mahu atau tidak dapat berbuat demikian. Ini berkaitan dengan prinsip saling melengkapi yang dibincangkan di atas: bidang kuasa *negara* mengekalkan tanggungjawab utamanya dalam mendakwa jenayah antarabangsa dengan sistem *antarabangsa* —termasuklah ICC—sebagai 'pilihan terakhir. '

### Memahami 'Bidang Kuasa Sejagat'

Apabila mahkamah domestik menjalankan bidang kuasa sejagat, ini bermakna mahkamah menggunakan kebolehan undang-undang untuk mendengar kes orang bukan warganegara yang melakukan jenayah di luar wilayah, negara tempat mahkamah bersidang dan lokasi jenayah tersebut dilakukan terhadap orang bukan warganegara yang lain. Perkara ini biasanya dibenarkan kerana mereka percaya bahawa sesetengah jenayah adalah [sangat keji](#) sehingga boleh dibicarakan di mana-mana sahaja. Jenayah sedemikian termasuklah [genosid](#), [jenayah perang](#), dan [jenayah terhadap kemanusiaan](#). Pelaksanaan bidang kuasa sejagat merupakan cara untuk mendapatkan kebertanggungjawaban jenayah bagi jenayah antarabangsa di mahkamah domestik.

### Apakah yang perlu Dipertimbangkan Masyarakat Sivil Dalam Melaksanakan Kes Di bawah Bidang Kuasa Sejagat?

Seperti semua kes mahkamah, kejayaan tidak dijamin apabila kes tersebut dibawa di bawah bidang kuasa sejagat. Mendapatkan nasihat guaman adalah sangat penting. Bersikap realistik dan mengakui bahawa membawa kes di bawah bidang kuasa sejagat boleh mengambil masa yang lama juga sangat penting. Kerap kali, kes-kes tidak akan dibawa ke mahkamah; jika dibawa ke mahkamah, kes tersebut tidak akan didapati bersalah.

Walau bagaimanapun, berhubung tempat untuk membawa kes di bawah bidang kuasa sejagat, [anda boleh mempertimbangkan](#):

- **Sama ada undang-undang domestik negara membenarkan bidang kuasa sejagat dan merangkumi jenayah antarabangsa atau tidak.** Walaupun banyak [negara di Eropah](#) mempunyai peruntukan untuk bidang kuasa sejagat dalam undang-undang domestik mereka bagi jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dan genosid, negara-negara di Asia [lebih cenderung](#) hanya membenarkan bidang kuasa sejagat untuk tindakan tertentu yang merupakan 'pelanggaran besar' di bawah Konvensyen Geneva.
- **Sama ada negara tersebut telah mengiktiraf perjanjian tertentu, seperti [Konvensyen Geneva](#), [Protokol Tambahan](#), dan [Konvensyen Menentang Penyeksaan](#) mereka atau tidak.** Ini kerana perjanjian ini juga merangkumi kewajipan untuk 'menyerah balik atau mendakwa' seseorang yang didakwa melakukan jenayah berasaskan perjanjian tertentu. Menyedari bahawa kewajipan ini tidak *mewujudkan* bidang kuasa yang melaluinya mahkamah boleh mendakwa pelaku, tetapi ini menjadikan peluang untuk pendakwaan lebih besar.
- **Sama ada mahkamah dan pendakwa negara mempunyai kemahiran atau pengalaman berkaitan jenayah antarabangsa, serta mahkamah, pendakwa atau polis mempunyai kapasiti penyiasatan untuk kes yang rumit atau tidak.** Contohnya, beberapa negara Eropah memiliki [unit khas](#) untuk membantu menyediakan kes dan mendakwa jenayah perang.
- **Sama ada terdapat kemahuan politik domestik untuk melaksanakan bidang kuasa sejagat atau tidak.** Namun, negara-negara yang membenarkan bidang kuasa sejagat mensyaratkan kelulusan pendakwaan daripada pegawai undang-undang tertinggi negara itu, seperti Peguam Negara. Selain itu, disebabkan kes bidang kuasa sejagat adalah rumit dan mengambil masa panjang, kes tersebut memerlukan penggunaan sumber-sumber negara yang luas.

- **Sama ada terdapat akses untuk mendapatkan bukti berpotensi melalui mekanisme penyiasatan antarabangsa** yang telah memberikan kesahan untuk permintaan pendakwaan atau meringankan keperluan sumber dalam menyusun fail kes atau tidak.
- **Sama ada terdapat sebarang pendakwaan aktif lain di tempat lain** dan menyedari 'jurang' undang-undang dalam kes tersebut.
- **Sama ada tertuduh akan hadir, atau merancang untuk hadir, di wilayah negara tersebut.** Pendapat dan amalan berbeza-beza berhubung sama ada bidang kuasa sejagat boleh dilaksanakan jika tertuduh tiada secara fizikal di wilayah negara. Sesetengah negara membenarkan kes dibuka apabila tertuduh tidak hadir dan ada negara yang memerlukan tertuduh berada di wilayahnya secara 'sukarela'. 'Sukarela' tidak termasuk kehadiran kerana serah balik.

## **PERIHAL KIT PANDUAN**

Kit panduan ini adalah hasil latihan beberapa minggu yang dijalankan oleh sekretariat Gabungan Keadilan Asia untuk wakil masyarakat sivil di seluruh Asia.

Terjemahan ini ialah versi ringkas Kit Panduan yang disediakan dalam bahasa Melayu dan boleh ditemui [di sini](#).

## **PERIHAL GABUNGAN**

Diasaskan pada 2018, Gabungan Keadilan Asia bertujuan untuk menambah baik landskap undang-undang di Asia bagi memastikan keadilan dan kebertanggungjawaban terhadap pelanggaran berat undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Gabungan ini beroperasi melalui usaha sama, perkongsian sumber dan usaha penyelarasan antara organisasi masyarakat sivil tempatan dan antarabangsa yang terdapat di rantau ini. Kerjanya dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti bersama yang berkaitan dengan keadilan dan kebertanggungjawaban, serta melibatkan diri dalam sokongan kolektif.

[Tapak Web](#) | [Twitter](#) | [Facebook](#) | [Linkedin](#)